

## PERJANJIAN USAHAWAN

Dengan ini saya memohon untuk menjadi seorang usahawan bebas berdaftar Dermilab Sdn. Bhd. dan berikrar

### BAHAWA SAYA:

1. Berumur 18 tahun ke atas sah di sisi undang-undang semasa menandatangani perjanjian ini.
2. Akan menjadi seorang usahawan bebas, berdikari dan bertanggungjawab ke atas perniagaan saya dan akan mematuhi semua syarat-syarat & peraturan.
3. Tidak akan membuat sebarang dakwaan palsu mengenai syarikat, produk-produknya, strategi pemasaran, potensi pendapatan dan lain-lain perkara.
4. Tidak akan melibatkan diri dengan lebih dari satu perjanjian usahawan dengan syarikat.
5. Tidak akan menjual, menukar atau mewakili hak keahlian saya sebelum mendapat persetujuan bertulis dari syarikat.
6. Tidak akan menggunakan tanda perniagaan syarikat, nama syarikat, logo atau bahan-bahan bertulis tanpa keizinan bertulis terlebih dahulu.
7. Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua kerja-kerja saya dan cukai pendapatan yang dikenakan ke atas pendapatan yang diterima sebagai usahawan.
8. Bersetuju, syarikat berhak membuat pemotongan pada bila-bila masa sahaja untuk sebahagian atau semua jumlah wang yang terhutang oleh saya kepada syarikat dari bayaran komisen.
9. Bersetuju, syarikat mempunyai hak untuk memindahkan mana-mana perjanjian kepada anak-anak syarikatnya atau syarikat-syarikat yang berkaitan.
10. Bersetuju. semua skim insentif dan anugerah yang ditawarkan oleh syarikat sah, selagi perjanjian usahawan masih berkuatkuasa.
11. Tidak akan menyaman syarikat dan membebarkannya dari sebarang tuntutan kerugian atau perbelanjaan yang berkaitan operasi perniagaan saya.
12. Hanya akan membeli produk syarikat di Malaysia untuk jualan di seluruh Malaysia sahaja.
13. Akan membeli produk-produk syarikat pada harga usahawan dan menjualnya pada harga jualan yang telah ditetapkan oleh syarikat. Syarikat berhak meminda harga produk dari semasa ke semasa tanpa notis terlebih dahulu.
14. Tidak akan mengubah label atau membungkus semula sebarang produk syarikat.
15. Bersetuju bahawa semua komisen akan dibayar kepada saya melainkan ada perintah mahkamah yang menghalang atau melarang bayaran tersebut.
16. Faham dengan polisi syarikat yang melarang sebarang pembelian produk dalam kuantiti yang banyak semata-mata untuk meningkatkan komisen atau mencapai tahap yang lebih tinggi dalam pelan pemasaran.
17. Bersetuju sekiranya saya atau keluarga terdekat saya terlibat dalam aktiviti syarikat jualan langsung lain atau sebarang aktiviti yang melanggar syarat dan peraturan Dermilab atau mempengaruhi usahawan DermiLab lain berbuat demikian, syarikat berhak menamatkan keahlian saya serta-merta.
18. Bersetuju perjanjian ini adalah berasaskan undang-undang negara dan segala tuntutan atau perbalahan dan lain-lain masalah, di antara mana-mana di dalam perjanjian ini hendaklah dirujuk ke mahkamah yang sewajarnya.
19. Mengaku telah membaca dan memahami perjanjian ini dan bersetuju dengan syarat-syarat yang ditetapkan.
20. Bersetuju syarikat berhak meminda segala syarat-syarat dan peraturan pada bila-bila masa jika perlu.